



PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN BERTARAF KONTRAK DI PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), sebuah organisasi yang bertanggungjawab memberi pinjaman kepada pelajar Institusi Pendidikan Tinggi yang layak dan menerima deposit di bawah Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN), mempelawa calon-calon **WARGANEGARA MALAYSIA** yang berkeelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan serta berumur 18 tahun pada tarikh tutup permohonan untuk mengisi kekosongan jawatan bertaraf kontrak seperti berikut:

JAWATAN / GRED	PENGKHUSUSAN / PUSAT TEMU DUGA & PENEMPATAN
i. Penolong Pegawai Tadbir Gred N29 (Kontrak)	<p>Pengkhususan :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan Dan Pengendalian Laman Web • Pengurusan Majlis • Teknologi Maklumat • Pengurusan & Pelaksanaan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) • Khidmat Pelanggan • Pentadbiran/Pengurusan/Kewangan <p>Pusat Temu Duga & Penempatan : Ibu Pejabat PTPTN, Kuala Lumpur</p>
ii Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 (Kontrak)	<p>Pusat Temu Duga & Penempatan: Ibu Pejabat PTPTN, Kuala Lumpur</p>

SYARAT LANTIKAN :

I) PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N29

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
TARAF JAWATAN : KONTRAK
PUSAT TEMU DUGA & PENEMPATAN : IBU PEJABAT PTPTN, KUALA LUMPUR
PENGKHUSUSAN : • PEMBANGUNAN DAN PENGENDALIAN LAMAN WEB
• PENGURUSAN MAJLIS
• TEKNOLOGI MAKLUMAT

JADUAL GAJI MINIMUM MAKSIMUM (JGMM)

GAJI MINIMUM (RM)	GAJI MAKSIMUM (RM)
1,493.00	5,672.00

SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau
- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau
- (iii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,770.95).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada **peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf** dengannya oleh Kerajaan.

KELAYAKAN SIJIL MATRIKULASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) BAGI TUJUAN PELANTIKAN KE DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Calon yang memiliki Sijil Matrikulasi KPM adalah layak dipertimbangkan pelantikan ke jawatan dalam Kumpulan Pelaksana di Gred 29 yang bersesuaian. **Gaji permulaan** bagi **kelayakan Sijil Matrikulasi KPM ditetapkan bersamaan** dengan **gaji minimum** dalam Jadual Gaji Minimum-Maksimum **skim perkhidmatan berkaitan**.

KEUTAMAAN/PENGGHUSUSAN CALON :

(i) PEMBANGUNAN DAN PENGENDALIAN LAMAN WEB

Memiliki Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Keutamaan adalah calon yang:

- a) Berkebolehan membangunkan laman web menggunakan perisian *Content Management System (CMS) WordPress*;
- b) Mahir dalam menyelenggara, mengurus dan meningkatkan keselamatan laman web;
- c) Berkebolehan memantau prestasi laman web;
- d) Berpengalaman menyediakan antaramuka pengguna (*mock-up*) yang responsif untuk laman web;
- e) Berpengalaman menggunakan perisian *Adobe Illustrator, Photoshop, XD*, atau *Figma*;
- f) Menguasai bahasa pengaturcaraan pembangunan laman web (*PHP, HTML, CSS, JavaScript, SQL, etc*);
- g) Berkebolehan mengoptimumkan *Search Engine Optimization (SEO)*, mengendalikan *Google Analytics /Google Search Console*; dan
- h) Berkebolehan menyelesaikan masalah dan sentiasa bersedia untuk mempelajari perkara baharu.

(ii) PENGURUSAN MAJLIS

- a) Berpewatakan dan berpenampilan menarik;
- b) Mempunyai kemahiran komunikasi dengan berkesan;
- c) Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan baik. Berkebolehan bertutur dalam pelbagai bahasa adalah satu kelebihan;
- d) Berpengalaman dan berkebolehan dalam mengendalikan majlis-majlis rasmi yang dapat meningkatkan imej positif PTPTN;
- e) Berpengalaman dalam menguruskan majlis rasmi sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman;
- f) Berkebolehan dalam penulisan artikel dan lain-lain penulisan yang berkaitan;

- g) Berkebolehan menjadi pengacara majlis;
- h) Berkemahiran dan berkebolehan dalam merekabentuk grafik, video, *software editing* dan lain-lain rekabentuk yang berkaitan;
- i) Memiliki Kemahiran tambahan dalam pengurusan Emel Outlook serta pengurusan *Live Streaming*; dan
- j) Mempunyai sikap positif, kreatif, inovatif dan berkomitmen tinggi dalam melaksanakan tugas.

(iii) TEKNOLOGI MAKLUMAT

Memiliki kelulusan dalam bidang :

- a) Sains Komputer;
- b) Teknologi Maklumat; atau
- c) Kejuruteraan dalam bidang komputer atau Kejuruteraan Komputer

Berpengalaman dan berkebolehan dalam :

- a) Mempunyai kemahiran dalam *Structured Query Language* (SQL), *HyperText Markup Language* (HTML) *Cascading Style Sheet* (CSS), *Hypertext Preprocessor* (PHP), Java, Bootstrap dan Javascript;
- b) Mempunyai kemahiran dalam pembangunan aplikasi dengan framework yang terkini;
- c) Mempunyai kemahiran dalam mereka bentuk sistem atau aplikasi (*system or application designing*);
- d) Mempunyai pengalaman atau penglibatan selama 1-2 tahun dalam pembangunan aplikasi web atau aplikasi mudah alih;
- e) Mempunyai kemahiran komunikasi dan pengurusan masa yang baik; dan
- f) Mempunyai kebolehan menyelesaikan masalah (*problem solving*) yang baik.

(iv) PENGURUSAN & PELAKSANAAN PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

- a) Berperwatakan dan berpenampilan menarik;
- b) Mempunyai kemahiran komunikasi dengan berkesan;
- c) Berpengalaman dalam menjalankan program tanggungjawab sosial korporat dan kebajikan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman;
- d) Berkebolehan dalam penulisan artikel dan lain-lain penulisan yang berkaitan;
- e) Berpengalaman dan berkebolehan dalam merangka dan mengendalikan program-program yang dapat meningkatkan imej positif PTPTN;
- f) Berkemahiran dan berkebolehan dalam merekabentuk grafik, video, *software editing* dan lain-lain rekabentuk yang berkaitan; dan
- g) Mempunyai sikap positif, kreatif, inovatif dan berkomitmen tinggi dalam melaksanakan tugas

(iv) KHIDMAT PELANGGAN

Berpengalaman dan berkebolehan dalam :

- a) Memiliki kemahiran berkomunikasi dengan baik termasuk secara lisan atau penulisan;
- b) Berkeyakinan dan berpengetahuan dalam penyaluran maklumat dan memberi penerangan/penjelasan melalui telefon atau media sosial;
- c) Bekerjasama dengan pegawai-pegawai dalam organisasi untuk membantu menyelesaikan aduan pelanggan;
- d) Memberikan perkhidmatan yang responsif dalam memberi respon kepada urusan pelanggan;
- e) Memberikan perkhidmatan yang menepati piawai masa yang ditetapkan; dan
- f) Berkebolehan untuk mengendalikan komputer, peralatan telefon dan seumpamanya

III) PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA

TARAF JAWATAN : KONTRAK

PUSAT TEMU DUGA & PENEMPATAN : IBU PEJABAT PTPTN, KUALA LUMPUR

JADUAL GAJI MINIMUM MAKSIMUM (JGMM)

GAJI MINIMUM (RM)	GAJI MAKSIMUM (RM)
1,352.00	4,003.00

SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada **peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf** dengannya oleh Kerajaan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (**online**) **sebelum 11.59 malam, Khamis, 20 April 2023** di pautan (*link*) :

<https://eform.ptptn.gov.my/JawatanKosong/Utama.cfm>

MAKLUMAT KHUSUS KEPADA CALON

- (a) **E-MEL DAN NOMBOR TELEFON YANG MASIH AKTIF**
Sila pastikan e-mel dan nombor telefon adalah aktif.
- (b) **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**
Pegawai yang memasuki perkhidmatan bagi jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat skim perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
- (c) **PENEMPATAN DI PEJABAT NEGERI PTPTN (PPN)**
Pegawai boleh diarah berkhidmat di pejabat cawangan PTPTN seluruh negara.
- (d) **CATATAN AM**
Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan jawatan dan urusan temu duga adalah atas tanggungjawab calon sendiri.